

# Hidupan liar mampu jadi penampakan pandemik

**Prof Dr  
Norhayati  
Ahmad**



*Profesor Universiti Kebangsaan  
Malaysia (UKM) dan Ahli Pasukan  
Bertindak, Kluster Tenaga,  
Air dan Alam Sekitar, Akademi  
Profesor Malaysia (APM)*

**Kemusnahan** dan pengurangan kawasan hutan hujan tropika mencapai tahap kritikal. Di Asia Tenggara, lebih separuh hutan simpan kekal (HSK) bertukar menjadi tanah pertanian dan penempatan.

Pengeluaran hasil hutan, khususnya balak dan pembukaan kawasan baharu untuk pembangunan tidak dapat dielak. Namun, ia perlu dilakukan secara berhemah dan tidak menggugat ekosistem.

Akibat kehilangan habitat asli, usaha pemuliharaan hidupan liar terpaksa bergantung kepada hutan yang sudah terganggu.

Hutan sekunder juga tidak terkecuali. Ia penting sebagai habitat

hidupan liar dan menyediakan perkhidmatan ekosistem, termasuk menyimpan karbon, melindungi tanah daripada hakisan dan kawasan tadahan air.

Impak terbesar terhadap kepelbagaian biologi ialah pemencilan habitat yang menghalang pergerakan (migrasi) haiwan untuk mencari makanan dan pasangan serta melarikan diri daripada pemangsa.

Akhirnya, populasi hidupan liar berkurangan sehingga pupus. Kesan penyisihan habitat, iaitu pemencilan dan sisihan terhadap populasi hidupan liar juga agak serius.

Ia mengganggu kemandirian hidupan liar kerana perubahan makrohabitat dan hubungan mangsa-pemangsa dalam jaringan makanan.

Pembiakan dalaman juga boleh mengurangkan kebolehubahan genetik disebabkan kesan pemencilan habitat ini.

Berhubung dengan sebaran penyakit berjangkit asalan haiwan (zoonotik), hubungan rapat menjurus kepada manusia terdedah kepada haiwan berpenyakit

amatlah ketara.

Antara aktiviti kurang sihat, memakan daging hidupan liar dan memperdagangkan haiwan eksotik.

Haiwan di habitat tabii boleh mengawal penyakit melalui perlindungan kepelbagaian biologi.

Manusia dibebankan pelbagai patogen, termasuk jenis berkait dengan haiwan seperti Ebola, selesema burung dan terkini COVID-19.

Ia membiak melalui jangkitan manusia dan haiwan secara terus, melalui agen perantara atau vektor seperti nyamuk. Konsep pencairan penyakit ialah peranan boleh diambil kepelbagaian biologi.

Dalam kes denggi atau malaria, apabila ada lebih banyak potensi sasaran nyamuk dalam haiwan ternakan serta hidupan liar, peluang sebaran kepada manusia boleh dihalang.

Contohnya, kajian sebaran penyakit Lyme mendapati sebaran kepada manusia berkurangan di kawasan mempunyai spesies mamalia kecil lebih banyak.

Musang, tupai dan rusa yang

mendiami ekosistem sama dengan vektor kutu penyakit Lyme seolah-olah meresap potensi jangkitan sehingga mengurangkan sebaran ke manusia.

Begitu juga dengan virus Nile Barat yang berasal dari Uganda pada 1973. Kajian di Amerika Syarikat (AS) mendapati ia berkurangan di kawasan mempunyai kepelbagaian burung liar yang lebih tinggi.

Mesejnya jelas, kepelbagaian hidupan liar berfungsi sebagai zon penampakan yang boleh menghalang sebaran penyakit.

Nilai perkhidmatan ini amat tinggi walaupun jarang diketahui umum. Penyelidikan etnozooologi di negara ini masih jauh ketinggalan.

Penyelidikan ini sangat penting dalam menilai dan mengenal pasti faktor dalam bencana alam, zoonosis, wabak epidemik dan pandemik.

Pemuliharaan hutan sebagai taman rekreasi, negara dan georimba mempunyai matlamat lebih besar.

Ia bukan sahaja sumber ekonomi melalui rekreasi dan este-

tika, bahkan psikologi serta kesihatan awam.

Malangnya penilaian ekonomi sumber hutan hanya memberikan perhatian kepada sumber kayu-kayan dan ekopelancongan. Kepentingan pemuliharaan habitat dari aspek kesihatan awam perlu dipelajari dan diperkenalkan.

Banyak kajian dapati kawasan hijau di bandar tingkatkan tahap kesihatan masyarakat, termasuk mental terutama penduduk berpendapatan rendah.

Namun, kawasan hijau seolah-olah kemewahan. Ia tidak sepatutnya eksklusif dan semua lapisan masyarakat perlu mendapat faedah sama.

Pendidikan awam penting bagi meningkatkan kesedaran awam mengenai aspek negatif dan bahaya hubungan rapat dengan hidupan liar, perdagangan haiwan sebagai makanan dan haiwan peliharaan.

Program kesedaran awam mengenai fungsi hutan untuk kesihatan manusia dapat mengubah sikap mengenai kepentingan hutan dan hidupan liar.